



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“DADAH; PEMUSNAH NEGARA BANGSA”

18 Februari 2022 / 16 Rejab 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ^١ الْقَائِلْ :

﴿ وَأَنِفَقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴾

(Surah Al Baqarah ayat 195)²

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ³ وَعَلَى أَلِهٖ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حُسْنَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁴ أَوْصِنُكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan setiap perintah dan menjauhi segala larangan Nya; mudah-mudahan kita selamat dan sejahtera baik di dunia begitu juga di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk:

“DADAH; PEMUSNAH NEGARA BANGSA”

Kisah anak memukul ibu bapa, abang memukul adik atau adik memukul abang, suami memukul isteri, wanita menjual tubuh, ahli keluarga, pekerja dan jiran tetangga yang mengamuk berpunca daripada ketagihan dadah, semakin kerap dilaporkan. Pada 16 Januari 2022, akhbar Utusan Malaysia melaporkan, seorang pemuda berusia 28 tahun, di Kampung Baru Pasir Penambang, Kuala Selangor, yang disyaki terlibat dengan dadah, telah memenggal kepala ibunya. Kisah-kisah sebegini akan terus berlaku selagi penyalahgunaan dadah terus merebak dan gagal dibendung secara berkesan.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Meskipun sejak 19 Februari 1983, dadah diisyiharkan sebagai musuh nombor satu negara, dan pelbagai usaha telah digerakkan oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, namun bilangan penagih baharu terus dicatatkan.

¹ Memuji Allah

² Ayat Al-Quran

³ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁴ Pesan Taqwa



Corak penagihan dilaporkan telah berubah, di samping jenis dadah yang semakin pelbagai. Selain daripada dadah jenis tradisional seperti ganja, ketum, ubat batuk, heroin dan morfin, dunia telah diperkenalkan dengan dadah jenis sintetik atau tiruan yang diproses dan dihasilkan melalui makmal seperti pil kuda, syabu, ekstasi dan ice; yang semakin popular.

Rekod Polis Diraja Malaysia menunjukkan sepanjang tahun 2021, hampir 53,000 ribu orang penagih telah ditangkap dan ditahan. Dipercayai bilangan sebenar penagih dadah di dalam negara, jauh lebih ramai daripada bilangan yang ditangkap atau ditahan. Dalam tahun yang sama, polis berjaya membuat 9,029 tangkapan pengedar, di bawah Seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya, jika disabitkan kesalahan, pesalah akan dihukum gantung sampai mati; dan seramai 18,064 orang pengedar ditangkap di bawah Seksyen 39A akta yang sama, jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dihukum penjara seumur hidup atau hukuman lebih rendah. Di samping itu, polis turut berjaya menemui 19 pusat memproses dan membuat dadah, dengan rampasan dadah bernilai lebih seratus lapan (108) juta ringgit. Pada tahun 2022, Polis Kontinjen Perak, berjaya menemui 2 pusat memproses dan membuat dadah di Pusing dan Jelapang, melibatkan rampasan dadah bernilai lebih seratus sebelas (111) juta ringgit.

Mimbar mengucapkan tahniah kepada Polis Diraja Malaysia atas kejayaan usaha membanteras pengedaran dadah, terutama kejayaan menemui pusat-pusat memproses dan membuat dadah. Semoga anggota Polis Diraja Malaysia terus mendapat petunjuk Ilahi dan dikurniakan kekuatan untuk meningkatkan usaha menewaskan musuh nombor satu negara. Semoga anggota Polis Diraja Malaysia yang diamanahkan dengan tanggungjawab besar ini tidak akan ternoda dengan tawaran dan imbuhan yang mahu disogokkan oleh para peniaga dan penyeludup dadah.

Berpandukan maklumat Agensi Antidadah Kebangsaan, golongan belia berumur antara 19 ke 39 tahun, merupakan kategori penagih dadah tertinggi, mencatatkan 65% daripada keseluruhan penagih. Jika kumpulan penagih ini gagal dipulihkan, mereka akan melalui hidup dalam sengsara. Kebiasaannya, penagih dadah, akan hilang arah tujuan hidup, serta akan menghadapi masa hadapan yang kelam; mereka menjadi warga yang tidak atau kurang produktif, mereka menjadi beban kepada keluarga, masyarakat dan negara. Tubuh badan mereka memiliki daya tahan yang lemah; oleh itu lebih mudah dijangkiti penyakit. Ramai dalam kalangan mereka kerana terdesak memerlukan wang untuk membeli dadah, berakhir dengan melakukan pelbagai jenayah.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Penyalahgunaan apa juga jenis dadah adalah haram kerana dadah memberi mudarat kepada badan dan akal, bertepatan dengan hadis daripada Ummu Salamah:

نَّبِيُّ رَسُولُ اللَّهِ عَنْ كُلِّ مُسْكِرٍ وَمُفْتِرٍ.

Maksudnya: (Rasulullah SAW) telah melarang daripada setiap perkara yang memabukkan dan melesukan.

(Riwayat Imam Abu Daud 3686)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 15 - 16 April 1982, memutuskan: sebarang penyalahgunaan dadah, hukumnya haram; dadah hanya boleh digunakan bagi tujuan perubatan yang mematuhi syarak.

Dadah boleh mengakibatkan kerosakan fungsi pelbagai organ dalam badan seperti jantung, hati, buah pinggang, tulang dan saraf. Dadah nyata memberi akibat sangat buruk kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Kerukunan berumah tangga terjejas, keluarga menjadi porak-peranda, berselisih faham dan bergaduh, sehingga ke peringkat melibatkan kecederaan dan menyebabkan kematian. Masyarakat pula hidup gelisah kerananya telah hilang ketenteraman, terpaksa berhadapan dengan penagih dadah. Kejadian-kejadian jenayah seperti mencuri, meragut dan mengugut berlaku di persekitaran kawasan kediaman; dilakukan oleh penagih yang terdesak untuk mendapatkan wang. Lebih malang lagi, negara kehilangan guna tenaga pemuda yang merupakan pewaris untuk meneruskan usaha membina sebuah negara maju lagi berdaulat. Pada masa yang sama negara pula terpaksa mengeluarkan belanja yang besar untuk membiayai usaha-usaha pencegahan dan pemulihan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sebelum nasi menjadi bubur, usaha-usaha pencegahan wajib dilipatgandakan. Petualang paling utama yang wajib diperangi ialah pengeluar, pembuat dan pengedar dadah. Mereka melihat dadah sebagai bahan dagangan untuk diniagakan bagi meraih keuntungan. Lebih ramai yang menagih dadah, akan lebih berkembang perniagaan mereka, dan lebih besar untung yang dapat diraih. Oleh itu para peniaga dadah akan senantiasa berusaha untuk meluaskan pasaran dengan mencari penagih baru. Mereka ini sebenarnya iblis bertopengkan manusia, golongan yang tidak layak dipanggil manusia kerana tidak langsung memiliki roh keinsanan. Mereka tergamak mendirikan mahligai kekayaan di atas nisan kesengsaraan mangsa dadah.

Para ibu bapa, guru, pemimpin masyarakat terutama para pemimpin agama dan belia, hendaklah berada di barisan hadapan, melindungi anak-anak muda daripada menjadi mangsa



perdagangan dadah. Perhatian hendaklah diberikan jika ada dalam kalangan ahli keluarga, jiran tetangga dan rakan sekerja yang memperlihatkan perubahan sifat. Perubahan sifat boleh dijadikan petanda awal, kebarangkalian telah berlakunya penagihan. Antara perubahan sifat tersebut:

Pertama: Daripada periang, gembira, ramah berbual, berfikiran cerdas serta mudah meluahkan perasaan berubah menjadi pendiam, runsing murung, sugul, bercelaru dan memendam perasaan.

Kedua: Daripada cergas, tangkas, sihat dan bertenaga berubah menjadi kaku, uzur, lemah dan tidak bermaya.

Ketiga: Daripada suka menolong, menumpukan perhatian kepada kerja dan boleh diharap berubah menjadi tidak peduli, tidak ada tumpuan kepada kerja, cuai, lalai, tidak boleh diharap, tidak berminat dan lemah semangat.

Keempat: Daripada berterus terang dan boleh dipercayai berubah kepada suka berdalih dan tidak lagi boleh dipercayai.

Kelima: Daripada sikap optimistik kepada sikap pesimistik

Keenam: Daripada tidak menghadapi masalah kewangan yang berat berubah kepada menghadapi masalah berat kewangan, dan tidak putus-putus membuat pinjaman daripada rakan-rakan dan adik-beradik.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعْنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَخْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ . أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى الْهُ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ .

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa



Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabi'in. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الْأَنَبيَّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوًا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ⁹ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْفَوْقَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً
وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ، وَتَرْكَ الْمُنْكَرَاتِ، وَحُبَّ الْمَسَاكِينِ، وَأَنْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا،
وَإِذَا أَرْدَتَ فِتْنَةً فِي قَوْمٍ فَتَوَفَّنَا غَيْرَ مَفْتُونِينَ، نَسْأَلُكَ حُبَّكَ، وَحُبَّ مَنْ يُحِبُّكَ، وَحُبَّ عَمَلٍ
يُقْرَبُ إِلَى حُبِّكَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Jauhi kami dan anak cucu kami daripada najis dadah, semaikan dalam jiwa kami rasa yang sangat benci dan jijik terhadap dadah.

Ya Dzal Jalaali Wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman dan hati kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk kaum muslimin



Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba-Mu yang amanah, jujur dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آءَتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَانِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَإِشْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَاذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.